



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN PENGURUSAN HASIL
TINGKAT 14, BLOK 9
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,
JALAN DUTA
50600 KUALA LUMPUR

Telefon: 03- 62091000
Faks: 03-62039592
Laman Web: www.hasil.org.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.01/32.1/193/31/1

Tarikh : 23 Oktober 2008

Pengarah Eksekutif,
Institut Percukaian Malaysia (MIT),
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA)
Dewan Akauntan No. 2
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
15, Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
Pejabat Sekretariat MATA
15-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati
53100 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City
Lingkar Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
No. 23A, 1st Floor
Jalan SS24/11, Taman Megah
47301 Petaling Jaya, Selangor

Presiden
Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7
40000 Shah Alam

Tuan, .

**MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN
AKAUNTAN - DESIRE - BIL. 4/2008**


Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama ini dikemukakan minit mesyuarat *Working Group* di antara LHDNM dengan Persatuan Akauntan - DESIRE Bil. 4/2008 yang telah diadakan pada 12 September 2008.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MESRA, MEMBANTU, MEMUASKAN"

Saya yang menurut perintah,



(MOHAMMAD SAIT BIN AHMAD)

Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

s.k. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

MINIT MESYUARAT *WORKING GROUP* LHDNM DENGAN PERSATUAN AKAUNTAN DESIRE - BIL. 4/2008

Tarikh: 12 September 2008 (Jumaat)
Masa: 9.30 pagi
Tempat: Dewan Perdana
Tingkat 16, Blok 9
Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta,
Kuala Lumpur

Kehadiran:

1.	En. Mohammad Sait Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil (Pengerusi)
2.	Puan Asriah Bt. Shaari	Pengarah Negeri Selangor
3.	Cik Puteh Mariah Bt. Harun	Pengarah Bahagian Operasi, Jabatan Pengurusan Hasil
4.	Encik Mohammed Noor Bin Ahmad	Pengarah Jabatan Pemprosesan
5.	Puan Teoh Ai Suan	Pengarah Bahagian Duti Setem Jabatan Pengurusan Hasil
6.	Puan Umi Kalsom Bt. Harun	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pungutan Jabatan Pengurusan Hasil
7.	Encik Koay Chuan Seng	Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pematuhan
8.	Cik Norhayati Bt. Mat Kassim	Timbalan Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil
9.	Encik Mohamad Fauzi Bin Saat	Ketua Penolong Pengarah Jabatan Pematuhan

10.	Encik Mohamad Rozainy Bin Mohamad Arif	Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil
11.	Encik Md Seniman Bin Selamat	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil (Urus setia)
12.	Puan Ooi Chooi Peng	Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Pengurusan Hasil (Urus setia)
	Wakil Persatuan Akauntan	
13.	Dr. Veerinderjeet Singh	Malaysian Institute of Taxation (MIT)
14.	Encik Khoo Chin Guan	MIT
15.	Encik Lai Soon Ean	MIT
16.	Encik Lim Kok Seng	MIT
17.	Y. Bhg. Dato' Raymond Liew Lee Leong	Malaysian Institute of Accountants (MIA)
18.	Encik Sam Soh Siong Hoon	MIA
19.	Cik Cheong Li Wei	MIA
20.	Puan Azlina Bt. Zakaria	MIA
21.	En. Beh Tok Koay	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) & MIA
22.	Pn. Tong Siew Choo	MICPA
23.	Cik Chrystin Liew	MICPA
24.	En. Mohamed Zamani Bin Ismail	Malaysian Association of Tax Agents (MATA)
25.	Encik Danial Bin Badderon	MATA

26.	Puan Yushida Ramli	MATA
27.	Encik Peter Lim	Malaysian Institute Of Chartered Secretaries And Administrators (MAICSA)
28.	Cik Ruhayu Bt. Mutilab	MAICSA
29.	Encik Lau Haw Chong	Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
30.	Tuan Haji Osman Bin Ujang	MACS
31.	Encik Kok Lee Wing	MACS
32.	Y. Bhg. Dato' Haji Mohd Sahir Bin Sanawi	The Institute Of Cooperative & Management Accountants (ICMA)
33.	Tuan Haji Mashat Bin Mat Som	ICMA
34.	Tuan Haji Mohd Noh Bin Haji Othman	ICMA

1. PENDAHULUAN

Tuan Pengerusi mengucapkan selamat sejahtera dan mengalu-alukan kehadiran ahli mesyuarat ke bilik mesyuarat baru. Beliau menjemput pegawai-pegawai dari LHDNM dan wakil dari Persatuan Akauntan memperkenalkan diri masing-masing.

2. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Perbincangan Berdasarkan Minit Bil. 3/2008

2.1 *TIMELINE*

- 2.1.1 Mesyuarat dimaklumkan *timeline* telah disediakan dan telah dihantar kepada persatuan akauntan pada 5 September 2008. Persatuan akauntan meminta supaya pakej dan sistem e-Filing disiapkan lebih awal supaya tarikh pembukaan talian e-latihan (01/12/2008) dan tarikh pelancaran e-Filing (01/03/2009) dipercepatkan bagi membolehkan pihak persatuan mempunyai masa yang lebih untuk menyesuaikan diri dengan sistem e-Filing. Dengan ini, pengemukaan borang melalui e-Filing dapat diawalkan bagi kes-kes pengiraan cukai yang mudah dan juga kes penggajian.
- 2.1.2 Tuan Pengerusi menyarankan supaya persatuan akauntan memahami dan menyesuaikan diri dulu dengan e-latihan dan juga borang manual yang akan dihantar kepada pembayar cukai mulai 1 Disember 2008 secara berperingkat bermula dengan daerah-daerah yang jauh dari bandar iaitu Sabah dan Sarawak. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa borang tidak boleh dihantar awal kepada pembayar cukai kerana terdapat sesetengah pembayar cukai akan mengembalikan borang nyata sebaik sahaja diterima walaupun belum mengetahui pendapatan bulan Disember. Keadaan ini telah berlaku dalam tahun 2005 di mana terdapat pembayar cukai yang mengembalikan borang nyatanya dalam bulan November sedangkan pegawai LHDNM belum diberi penerangan berkenaan dengan borang tahun taksiran tersebut.
- 2.1.3 Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa tarikh pelancaran e-Filing juga tidak dapat dipercepatkan kerana LHDNM terikat dengan janji pembayaran balik dalam satu bulan. Tambahan pula LHDNM perlu membuat pindaan dan memperbaiki sistem yang ada untuk memastikan tiada kesilapan yang akan berlaku selepas pelancaran kepada semua pembayar cukai. LHDNM telah belajar dari pengalaman tahun-tahun lepas di mana seolah-olah menggunakan pengguna sistem e-Filing sebagai tempat ujian sistem. Walau bagaimanapun, LHDNM akan cuba mempercepatkan tarikh e-latihan dan juga tarikh pelancaran e-Filing jika boleh.

2.1.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa sudah menjadi tradisi kebanyakan pembayar cukai mengembalikan borang dua atau tiga hari sebelum tarikh akhir pengemukaan sama ada secara manual mahupun e-Filing walau betapa awal sekalipun borang dan e-Filing telah disediakan.

2.1.5 Dr. Veerinderjeet memaklumkan bahawa kelewatan pengemukaan borang daripada ejen cukai bukan disengajakan tetapi adalah disebabkan masalah memperoleh / mengumpul maklumat daripada pelanggan. Walaupun setiap firma mempunyai sasaran sendiri tetapi susah untuk mencapainya sebab masalah pengumpulan maklumat, penganalisan dan persetujuan daripada pelanggan. Kelewatan pengemukaan borang mungkin dapat dielakkan sekiranya proses-proses berikut dipercepatkan:

- (a) Penyediaan borang manual dan sistem e-Filing
- (b) Penyedia perisian menguji sistem e-Filing dan membuat pengubahsuaian ke atas sistem percukaian berkomputer
- (c) Ejen cukai membuat pindaan ke atas perisian sendiri

2.1.6 Tuan Pengerusi menyarankan agar penyedia perisian dan persatuan akauntan menguji talian e-latihan, belajar dan memberi maklum balas kepada LHDNM supaya dapat menyesuaikan diri sebelum tarikh pelancaran e-Filing yang sebenar.

2.2 REKA BENTUK BORANG NYATA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa draf Borang B, BE, E, M dan P telah diserahkan kepada persatuan akauntan pada 6 Ogos 2008 dan maklum balas telah diterima. Borang nyata yang muktamad akan diserahkan kepada persatuan akauntan pada 31 Oktober 2008.

2.3 HELAIAN KERJA

Mesyuarat mengesahkan bahawa Helaian Kerja yang disediakan oleh LHDNM adalah sebagai panduan sahaja dan bukannya wajib diisi. Perkara ini akan dimaklumkan kepada cawangan supaya tidak meminta Helaian Kerja daripada pembayar cukai semasa audit meja tetapi memadai dengan dokumen sokongan lain yang serupa. Surat pengesahan juga akan dikeluarkan kepada pihak persatuan.

2.4 LAMAN WEB BARU

Tuan Pengerusi memaklumkan RSS merupakan satu bahagian dalam laman web baru LHDNM. Maklumat dalam laman web LHDNM akan disediakan dalam dwibahasa. Adalah dicadangkan 'Mail Box' iaitu salah satu bahagian dalam

laman web baru akan didaftarkan kepada persatuan akauntan dan pihak persatuan boleh membuat pilihan untuk terus berdaftar atau tidak kemudian hari. Sistem laman web baru ini akan dikendalikan oleh Jabatan Khidmat Korporat (JKK) dan sebarang maklumat baru akan dikemas kini dari semasa ke semasa oleh JKK. Dengan ini, adalah dijangka pengemaskinian maklumat dapat dibuat dengan lebih cepat.

Dr. Veerinderjeet mengucapkan terima kasih kepada LHDNM dengan memasukkan tiga Garis Panduan Operasi dalam laman web. Ini adalah ke arah kejelasan dan ketelusan seperti saranan PEMUDAH.

Tiga Garis Panduan Operasi dalam laman web sekarang ialah:

- (a) Penggunaan Kredit Cukai Pendapatan Syarikat Sebagai Tolakan
- (b) Mengemukakan Anggaran Cukai Kurang Daripada Amaun Minimum Yang Ditetapkan Di Bawah Subseksyen 107c(3) ACP 1967
- (c) Penghapusan Kenaikan Cukai

2.5 KES TAHUN KEBELAKANGAN

Tuan Pengerusi mengesahkan bahawa kebanyakan negara luar mengamalkan e-Filing untuk tahun semasa sahaja. Walau bagaimanapun, LHDNM akan cuba untuk mengekalkan e-Filing tahun 2007 selepas e-Filing 2008 dilancarkan sekiranya sistem adalah membenarkan. Ini kerana e-Filing 2007 dan 2008 menggunakan platform yang sama. Pembayar cukai adalah digalakkan supaya menggunakan borang manual yang boleh diperoleh daripada cawangan berbanding dengan borang pdf disebabkan masalah imbasan ke atas borang pdf. Walau bagaimanapun, borang pdf yang sedia ada dalam laman web tidak akan dikeluarkan.

2.6 SLIP PENGIRIMAN BAYARAN

Mesyuarat memaklumkan Slip Pengiriman Bayaran bagi bayaran penalti subseksyen 107c(10) tidak dapat dimasukkan dalam Borang C kerana ia akan melibatkan tambahan muka surat. Tambahan pula, hanya lebih kurang 10% daripada pembayar cukai syarikat yang akan menggunakan slip bayaran ini. Walau bagaimanapun, slip bayaran ini boleh didapati dari laman web dan akan dimasukkan dalam e-Filing untuk kemudahan pembayar cukai.

2.7 PLATFORM UNTUK e-FILING

Tuan Pengerusi mengesahkan bahawa platform e-Filing tidak akan berubah pada tahun ini setelah belajar dari pengalaman lepas.

2.8 MANUAL PENGGUNA

Mesyuarat dimaklumkan bahawa sistem e-Filing perlu dibangunkan dahulu sebelum manual pengguna dapat disiapkan. Draf manual pengguna akan mula disediakan dan diperkemaskan. Tuan Pengerusi menyarankan agar manual pengguna dapat disiapkan seminggu sebelum tarikh pelancaran e-Latihan.

2.9 TALIAN e-LATIHAN

Tuan pengerusi memaklumkan bahawa integrasi sistem percukaian berkomputer kepada sistem e-Filing LHDNM adalah secara satu dengan satu dan bukan secara pukal. Pihak persatuan dan penyedia perisian adalah dinasihatkan agar jangan menggunakan e-Latihan sebagai e-Filing sebenar. Talian e-Latihan akan ditutup pada satu masa nanti.

2.10 BORANG NYATA TIDAK DIKELUARKAN SEMASA PENGELUARAN AM

2.10.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa borang nyata dikeluarkan kepada semua pembayar cukai syarikat memandangkan pengguna e-C adalah tidak ramai. Adalah dirancang Borang C tidak dikeluarkan kepada pengguna e-C sekiranya mencecah sesuatu jumlah tertentu.

2.10.2 Borang B 2008 tidak dikeluarkan kepada pengguna e-Filing memandangkan e-B telah mencecah 120,000 bagi tahun taksiran 2007. Surat pemberitahuan tidak mengeluarkan borang akan dikeluarkan kepada pembayar cukai, begitu juga kenyataan akbar.

2.10.3 Pihak persatuan mencadangkan supaya borang nyata tidak dikeluarkan kepada pembayar cukai yang menjalankan perniagaan tetapi tidak layak dikenakan cukai (selain daripada kes kerugian) atau pembayar cukai sendiri yang memaklumkan kepada LHDNM melalui surat tanpa mengisi Borang B. Dengan ini dapat mengelakkan pembayar cukai daripada terpaksa membayar yuran kepada ejen cukai walaupun beliau tidak layak dikenakan cukai. LHDNM akan mempertimbangkan isu ini.

2.11 TAX AGENT e-FILING MODULE (TAeF SYSTEM)

Modul e-filing untuk tax ejen sedang dikemas kini dan dijangka siap pada 1 Disember bersama dengan e-B dan e-BE.

2.12 PROSES INTEGRASI SISTEM PERISIAN PERCUKAIAN BERKOMPUTER KEPADA SISTEM e-FILING LHDNM

Tuan Pengerusi memaklumkan dalam satu mesyuarat dengan penyedia perisian, adalah dipersetujui bahawa data skema akan diberi kepada penyedia perisian sekiranya terdapat perubahan dari segi logik untuk membolehkan mereka mengemas kini sistem perisian sendiri.

2.13 RINGKASAN BORANG

Satu borang/helaian kerja yang ringkas akan disediakan untuk pengguna e-Filing yang tidak menggunakan perkhidmatan ejen cukai. Tujuannya adalah supaya pembayar cukai mengumpulkan semua maklumat yang perlu sebelum pengisian *online* dalam sistem e-Filing.

3. HAL-HAL LAIN

3.1 PINDAAN KE ATAS JADUAL PCB DAN CP 39

3.1.1 Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa satu mesyuarat akan diadakan dengan pihak persatuan pada 26 September 2008 bagi membentangkan cadangan pindaan ke atas Jadual PCB dan CP39 ekoran dari pindaan bajet 2009 dan untuk mengatasi masalah dalam implementasi Jadual PCB terutama formula pengiraan PCB ke atas bonus. Pindaan terakhir Jadual PCB adalah dalam tahun 2004. Objektif utama pindaan ini adalah agar jumlah PCB adalah bersamaan dengan Cukai Kena Dibayar.

3.1.2 LHDNM sedang dalam proses penyediaan e-PCB untuk dimuatkan dalam laman web. Input platform akan diberi dan majikan boleh muat turun untuk penyediaan CP39. Majikan hanya perlu mengemas kini jumlah saraan. Adalah dicadangkan pada satu masa nanti, maklumat dari ringkasan akhir CP39 ini akan *pre-populated* pada C.P. 8D Borang E.

3.2 PINDAAN DRAF BORANG E 2008 BERDASARKAN MAKLUM BALAS DARIPADA MIT BERTARIKH 27 SEPTEMBER 2008

3.2.1 Tarikh Akhir Pengemukaan Borang E
Tarikh akhir pengemukaan Borang E adalah dinyatakan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Penyata Oleh Majikan) dan tidak seperti borang nyata lain.

3.2.2 C.P. 8D
Mesyuarat dimaklumkan bahawa majikan yang mempunyai ramai pekerja adalah digalakkan untuk menghantar C.P. 8D ini dalam bentuk *soft copy* dan format serta spesifikasi akan diberi kemudian.

3.2.3 Bahagian G Borang EA dan EC - Elaun dan Perkuisit Yang Dikecualikan Cukai
Persatuan akauntan berpendapat bahagian ini tidak sewajarnya dimasukkan dalam Borang E kerana ia tidak akan memberi kesan kepada pengiraan cukai. Adalah dicadangkan maklumat yang tidak

diguna pakai oleh LHDNM tidak dimasukkan dalam borang agar tidak membebankan pihak majikan.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa semua maklumat yang boleh diperoleh dalam borang nyata sama ada secara manual mahupun borang elektronik akan digunakan sepenuhnya oleh LHDNM dan disalurkan ke cawangan untuk tujuan audit.

3.2.4 Amaun Kasar atau Bersih dalam Borang EA dan EC

Terdapat beberapa pendapat berkenaan isu ini iaitu:

- (i) Borang EA dan EC sepatutnya menunjukkan **jumlah kasar** tanpa menolok sebarang elaun atau manfaat yang dikecualikan cukai kerana tanggungjawab untuk menentukan pengenaan cukai dan pengecualian cukai adalah terletak pada pembayar cukai sendiri. Tanggungjawab majikan hanya melaporkan apa yang telah dibayar kepada pekerjaanya.
- (ii) Borang EA dan EC sepatutnya menunjukkan **jumlah bersih** kerana kebanyakan pekerja tidak mengetahui peruntukan percukaian dan akan terus melaporkan pendapatan penggajiannya mengikut apa saja jumlah yang dipaparkan dalam Borang EA dan EC. Oleh itu, Borang EA dan EC sepatutnya menunjukkan jumlah yang dikenakan cukai sahaja untuk memudahkan pekerja yang tidak menggunakan perkhidmatan ejen cukai.
- (iii) Elaun dan perkuisit yang dikecualikan cukai sepatutnya ditunjukkan di Bahagian B dengan melaporkan jenis elaun/manfaat, jumlah sebenar dibayar dan ditolak dengan jumlah yang dikecualikan cukai memandangkan terdapat sesetengah elaun/manfaat dikecualikan cukai hanya untuk Tahun Taksiran 2008 sehingga 2010 sahaja.

3.2.5 Persatuan akauntan juga berpendapat bahawa majikan yang membuat kesalahan dari segi pengiraan PCB tidak sepatutnya dikenakan kompaun, begitu juga Borang E. LHDNM seharusnya memberi peluang dan pembelajaran cukai dahulu kepada pihak majikan seperti amalan Jabatan Statistik dan tidak terus dikenakan kompaun. Ini memandangkan PCB biasanya dikendalikan oleh kerani akaun di Unit Akaun yang telah memenuhi pematuhan audit tetapi didenda atas kesilapan yang tidak disengajakan. Tuan Pengerusi menyarankan supaya Jabatan Pematuhan mengambil maklum isu ini.

3.2.6 LHDNM akan mengambil maklum cadangan-cadangan daripada persatuan akauntan. Tuan Pengerusi meminta pihak persatuan mengkaji semula Borang E 2008 versi 10 September 2008 dan memberi maklum balas kepada LHDNM dalam tempoh seminggu.

3.3 MAKLUM BALAS DARI MIT KE ATAS DRAF BORANG B, BE, M DAN P 2008

3.3.1 Inside Front Cover

We note that Item 3(b) states that the helaian kerja must be kept for 7 years for the purposes of tax audit. This is quite misleading as it has been agreed in the previous operations dialogues between the IRB and the professional bodies that tax agents and taxpayers need not use the helaian kerja in preparing their tax computations and hence need not keep them for 7 years.

The Institute proposes that the following be inserted (in red and in bold) in the third (3) line of item 3(b):

3(b)helaian kerja (daripada buku panduan atau yang disediakan oleh pembayar cukai/wakil cukai) yang digunakan untuk pengiraan.....

LHDNM:

Pindaan akan dibuat ke atas Borang B, BE dan P

- 3.3.2 In the past, there were instances where tax agents submitted passport numbers to apply for PIN numbers. However, when the filing deadline was approaching, the taxpayer informed that he had renewed his passport. Under such circumstances, tax agents are unable to submit the tax return through e-filing. Tax agents are advised to write in to the IRB requesting the officer-in-charge in the unit concerned to update the new passport number into the system.

The Institute hopes that the requirement of new passport number (item 8) will facilitate e-filing.

The requisite passport details for spouse (item B7) are, however, not consistent with that of Form M.

LHDNM:

Ruangan baru dalam draf Borang B dan BE 2008 iaitu "No. Pasport Semasa" dan "No. Pasport Terakhir Didaftarkan Dengan LHDNM" akan dimasukkan dalam e-B dan e-BE juga.

3.3.3 Draf Borang P

As foreign dividend is no longer taxable, item B2 and B3 should no longer be relevant.

Page 3:

We note that item G8 (request for mobile phone no.) is not required in Forms B, BE and M. The Institute sees no reason to request for such information.

Page 6:

What is the rationale of including Part J especially since there is no RPGT in respect of disposals with from 1/4/2007? There is no corresponding section in Form B, BE and M. The Institute would suggest that this section be deleted.

Page 8:

We note that the request for details of the firm and preparer of the Form are not consistent with Form B, BE and M. What is the rationale for requesting additional information such as address of firm, mobile phone number, email address, designation, etc.?

LHDNM:

Ruang B2 dan B3 akan digugurkan. Begitu juga Bahagian J (CKHT) juga akan digugurkan dari Borang P 2008 dan CP 30.

Ruangan No. Telefon Bimbit adalah dikekalkan untuk tujuan SMS. Lain-lain ruangan yang berkaitan dengan maklumat firma dan orang yang menyediakan borang juga akan dikekalkan dalam Borang P. Ruangan ini digugurkan dari Borang B, BE dan M adalah untuk semasa mempermudah borang dalam tahun 2006.

- 3.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Jabatan Pengurusan Hasil masih menunggu pengesahan pindaan draf borang dan nota penerangan selaras dengan pindaan bajet.
- 3.5 Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa borang terjemahan dalam Bahasa Inggeris ada disediakan dalam laman web tiap-tiap tahun. Borang B dan BE 2007 dalam Bahasa Cina juga disediakan, begitu juga Borang B 2007 dalam Bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, borang dalam bahasa selain dari Bahasa Malaysia adalah untuk rujukan sahaja kerana hanya versi Bahasa Malaysia ditetapkan di bawah seksyen 152 ACP 1967.
- 3.6 Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa e-Filing disediakan dalam dwibahasa iaitu ayat Bahasa Malaysia di bahagian atas dan Bahasa Inggeris di bawahnya.

4. PENUTUP


Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan menamatkan mesyuarat pada pukul 12.15 tengah hari.

Disediakan oleh:



(Ooi Chooi Peng)
Bahagian Operasi, JPH

Disahkan oleh:



(Sait @ Mohamad Sait Bin Ahmad)
Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil